

Manfaat Tulis Planner buat

Si Cilik



Hak Cipta @ 2020
Edisi Pertama, November 2020


Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel ilustrasi dan isi kandungan ebook ini dalam apa jua bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak WasaPower.

Idea Asal : Nursyahidah Shahrel
Reka Bentuk Kulit : Nursyahidah Shahrel
Reka Letak : Nursyahidah Shahrel
Editor : Khairil Izham



Galakkan anak-anak menulis setiap hari kerana ia merupakan cara terbaik untuk memperbaiki penulisan mereka. Sebenarnya catatan harian merupakan latihan dan rujukan yang paling berharga untuk jangka masa sekarang dan akan datang. Dengan menulis, ia akan membuatkan anak-anak menambah baik kemahiran dan membantu perkembangan minda mereka.

Bagi sesetengah ibu bapa yang menganggap menulis buku harian ini biasa-biasa sahaja, jom kita tengok manfaat menulis catatan harian bagi anak-anak.



Ekspерimen tiada batas

Ketika anak-anak mahu menulis buku catatan harian mereka, beri kebebasan kepada mereka dalam menentukan apa yang mahu ditulis. Dari situ mereka boleh bereksperimen tanpa perlu rasa takut atau risau kerana itu adalah buku milik mereka. Dedahkan juga anak-anak dengan kepelbagaian cara berfikir dan paling penting sentiasa beri galakan.


Aktiviti ini adalah peluang terbaik buat mereka untuk merasai keseronokan yang bakal mereka dapat melalui penulisan.



Menjadi kreatif

Menulis merupakan antara latihan terbaik untuk meningkatkan kemahiran anak-anak. Aktiviti di luar waktu persekolahan ini adalah antara aktiviti positif yang menggalakkan mereka menjadi lebih kreatif. Jangan hanya hadkan anak-anak menulis sewaktu membuat latihan kerja sekolah sahaja.

Semakin banyak menulis, semakin baik bagi mereka untuk jadi lebih kreatif berbanding yang tidak banyak menulis. Penulisan akan membantu anak-anak untuk mencipta bayangan dunia baru dan bagi menggambarkan perasaan mereka.



Tingkatkan produktiviti dan lebih fokus

Dengan menulis buku harian juga akan membantu anak-anak untuk lebih fokus dan terarah. Mereka lebih nampak apa aktiviti sehari-hari dan boleh cuba selesaikan satu demi satu mengikut urutan keutamaan.


Ia sangat membantu meningkatkan produktiviti anak-anak kerana mereka dapat melihat progres dalam setiap apa yang mereka tulis di dalam buku.



Mengatasi gangguan emosi

Menurut pakar psikologi, menulis buku harian membantu otak anak-anak untuk mengatasi gangguan emosional dan boleh membuatkan mereka lebih rasa bahagia. Aktiviti ini dapat mendidik mereka belajar bagaimana menyusun emosi dan idea secara tersusun dalam bentuk perkataan.

Selain itu, anak-anak yang menulis tentang perasaan mereka akan membantu otak mengatur dan mengawal emosi secara tidak sengaja. Ia juga dapat membantu dalam menenangkan fikiran, kurangkan perasaan tertekan dan membantu memperbaiki emosi mereka.



Memperbaiki tulisan tangan

Membuat catatan harian juga akan membolehkan anak-anak untuk mencuba pelbagai bentuk tulisan. Di zaman serba canggih ini, mereka lebih banyak menghabiskan masa dengan gajet sehingga agak 'liat' untuk menulis.


Jadi dengan adanya buku ini mereka boleh mula bereksperimen dengan tulisan yang mahu digunakan. Ia juga akan dapat membantu mereka memperbaiki dan memperkemaskan tulisan tangan.



Membangun kepercayaan diri

Menulis buku harian boleh menjadi satu rutin kebiasaan yang bagus untuk anak-anak. Tidak perlu untuk menulis sehari-hari tetapi mereka boleh melakukannya pada bila-bila masa sahaja. Dari situ akan mendidik mereka dengan kebiasaan menulis tangan sebagai sesuatu yang tidak membosankan.

Aktiviti ini akan membantu membangun kepercayaan diri anak-anak dan akan membuat mereka termotivasi untuk melakukan lebih dari sebelumnya.





HARGA ASAL

RM ~~15~~

RM **10**

PERCUMA

BARANGAN BERNILAI **RM25**



BookMark

Diberi secara rawak



E-Book

Cerita pendek &
Tips penjagaan masa
untuk Si Cilik

DAPATKAN KOLEKSI BUKU LENGKAP



RM
35



500 VOCABULARY

RM
35



ASAS MATEMATIK
SIRI 1

RM
39



ASAS MATEMATIK
SIRI 2

RM
19



JOM KENALI
MALAYSIA

RM
39



MISI KUASAI
MATEMATIK

RM
15



BIJAK
LATIH TANGAN

RM
35



LET'S READ

RM
39



MISI KUASAI
ENGLISH

RM
19



SOALAN INTENSIF
ASAS MATEMATIK

RM
39



MUDAHNYA
MELUKIS

RM
39



KUASAI BAHASA
MANDARIN VERSI
SI CILIK

RM
35



LET'S WRITE

RM
45



JOM BACA

RM
35



JOM TULIS

RM
29



KAEDAH MUDAH
JAWI

RM
35



ADIK PANDAI
MENGIRA

RM
19



500 SOALAN OBJEKTIF
ASAS MATEMATIK

RM
59



INTERMITTENT
FASTING

RM
25



WOW I ENJOY
MEMBACA

RM
15



BIJAK ABC KAMUS
BERGAMBAR

RM
15



BIJAK
ABC

RM
15



BIJAK
NOMBOR